

30 MAR 2002

Mahathir-OIC/I

UCAPAN DR MAHATHIR AKAN JADI GARIS PANDUAN DI SESI KHAS OIC

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Ucaptama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Mengenai Keganasan pada Isnin dijangka menjadi garis panduan dalam mencari penyelesaian bagi permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam, khususnya selepas insiden 11 Sept.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, mesyuarat itu menyediakan peluang bagi negara-negara anggota OIC untuk mendengar pandangan Perdana Menteri mengenai keganasan dan Islam.

"Saya rasa ucapan Dr Mahathir sudah pasti akan menjadi garis panduan di mesyuarat itu... (Saya rasa) beliau akan menempatkan rentak mesyuarat itu," kata beliau kepada Bernama dalam satu temubual, di sini.

Sejak serangan 11 Sept di Pusat Dagangan Dunia di New York dan bangunan Pentagon di Washington banyak negara Islam dan penganutnya teraniaya termasuk laporan berat sebelah yang sering kali mengaitkan Islam dengan keganasan.

Ini menyebabkan Dr Mahathir menyeru umat Islam supaya bersatu dalam mempertahankan Islam dan juga meminta supaya satu persidangan khas diadakan untuk mentakrif istilah keganasan dan puncanya.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir telah menjadi "juru perunding" untuk memperbetulkan pelbagai tanggapan salah mengenai Islam, yang sering kali dikaitkan dengan keganasan, seperti yang dapat dilihat semasa lawatan beliau ke Jerman, Poland dan Rusia baru-baru ini.

"Saya dapati beliau lebih sebagai seorang juru perunding ...setiap kali, semasa lawatan-lawatannya dan juga semasa bermesyuarat dengan ketua-ketua kerajaan an kumpulan-kumpulan, mereka akan bertanyakan pendapat beliau mengenai keganasan dan Islam," kata Syed Hamid.

Sehingga ini, 48 daripada 57 anggota OIC telah mengesahkan penyertaan mereka dalam sesi khas tiga hari itu yang dianjurkan oleh Malaysia di hotel Palace of the Golden Horses di Seri Kembangan, dekat sini, bermula Isnin.

Sesi khas itu dijangka muncul dengan satu deklarasasi yang antara lain menggariskan definisi, punca dan langkah-langkah mengatasi keganasan.

Malaysia berharap resolusi-resolusi yang diterima di mesyuarat itu akan memberi mandat baru kepada OIC dalam menyeru Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk muncul dengan istilah yang tepat bagi keganasan yang bukan hanya ditujukan kepada umat Islam.

-- BERNAMA

RV ZS JK PR